

NOTIS PRIVASI BAGI PELAWAT-PELAWAT LAMAN WEB

Notis Privasi (“**Notis**”) ini menetapkan asas bagaimana **Socma Trading (M) Sdn. Bhd.** (dirujuk sebagai “**kami**”) boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi pelawat-pelawat laman web selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”). Notis ini terpakai kepada data peribadi yang berada dalam milikan atau kawalan kami, termasuk data peribadi yang berada dalam milikan organisasi yang kami lantik untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi bagi pihak kami.

PEMAKAIAN NOTIS INI

1. Notis ini terpakai kepada semua pelawat dalam laman web ini.
2. “Pelawat-pelawat” dalam Notis ini merujuk kepada individu yang melawat laman web ini dan/atau menghubungi kami dan/atau melanggan surat berita.

DATA PERIBADI

3. Laman web ini tidak mempunyai sebarang kuki (“cookies”) yang mengumpul data peribadi pelawat laman web ini melainkan pelawat yang menghubungi kami dan/atau melanggan surat berita.
4. Jika anda menghubungi kami dan/atau melanggan surat berita dan/atau mendaftar suatu akaun, kami mungkin akan mengumpul data peribadi berikut daripada anda:
 - (a) Nama atau alias anda;
 - (b) Nombor telefon anda; dan/atau
 - (c) Alamat emel anda.
5. Terma-terma lain yang digunakan dalam Notis ini hendaklah membawa makna yang diberikan kepada mereka dalam PDPA (yang mana konteks membenarkannya).

PENGUMPULAN, PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN DATA PERIBADI

6. Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami melalui laman web ini, anda telah bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda menurut Notis ini.
7. Kami secara umumnya mengumpul data peribadi yang mana (a) anda bekalkan secara sedar dan sukarela sebelum tindakan anda untuk menghubungi kami atau melanggan surat berita, atau (b) pengumpulan dan penggunaan data peribadi tanpa persetujuan adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh PDPA atau undang-undang lain. Kami akan meminta persetujuan anda sebelum mengumpul sebarang data peribadi tambahan dan sebelum menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dinyatakan dalam Notis ini (kecuali yang mana dibenarkan oleh undang-undang).
8. Data peribadi anda yang kami kumpul akan kami gunakan bagi tujuan-tujuan berikut dan kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga yang mana perlu bagi tujuan-tujuan berikut:
 - (a) Untuk mengesahkan identiti anda;
 - (b) Untuk membalas dan menjawab pertanyaan anda;

- (c) Untuk menghubungi anda bagi maklumat tambahan semasa anda menghubungi kami;
- (d) Untuk membekalkan surat berita kami kepada anda.

PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN

9. Persetujuan yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda akan kekal sah sehingga anda tarik balik secara bertulis. Anda boleh menarik balik persetujuan dan meminta kami berhenti mengumpul, menggunakan dan/atau mendedahkan data peribadi anda dengan mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui menghantar emel kepada Pegawai Perlindungan Data kami mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan tidak menjejaskan hak kami untuk terus mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi di mana pengumpulan, penggunaan dan pendedahan sedemikian tanpa persetujuan adalah dibenarkan atau diperlukan di bawah undang-undang yang berkenaan.
10. Setelah menerima permintaan bertulis anda untuk menarik balik persetujuan anda, kami perlu masa yang munasabah (bergantung kepada kerumitan permintaan dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda) untuk memproseskan permintaan anda dan bagi kami memberitahu anda berkenaan dengan kesan bagi kami menyetujui perkara yang sama, termasuk sebarang kesan undang-undang yang boleh menjejaskan hak dan liabiliti anda kepada kami. Secara amnya, kami akan berusaha untuk memproses permintaan anda dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerimanya.

AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

11. Jika anda ingin membuat (a) permintaan akses untuk akses kepada salinan data peribadi anda yang kami pegang atau maklumat berkenaan dengan cara kami menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda, atau (b) permintaan pembetulan untuk membetulkan atau mengemaskini mana-mana data peribadi anda yang kami pegang, anda boleh mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui menghantar emel kepada Pegawai Perlindungan Data kami mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah.
12. Sila ambil perhatian bahawa bayaran yang berpatutan mungkin dikenakan atas permintaan akses. Jika begitu, kami akan memaklumkan anda tentang bayaran tersebut sebelum memproseskan permintaan anda.
13. Kami akan membalas permintaan anda secepat mungkin. Secara umum, maklum balas kami akan dibuat adalah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari. Sekiranya kami tidak dapat menjawab permintaan akses anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas menerima permintaan akses anda, kami akan memaklumkan anda secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bahawa bila kami dapat membalas permintaan anda. Jika kami tidak dapat memberikan anda sebarang data peribadi atau membuat pembetulan mengikut permintaan anda, kami secara amnya akan memaklumkan anda kenapa kami tidak dapat berbuat demikian (kecuali apabila kami tidak perlu berbuat demikian mengikut PDPA).
14. Sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada permintaan yang dibuat, kami hanya perlu memberikan anda akses kepada data peribadi yang terkandung dalam dokumen yang diminta, dan bukan akses kepada keseluruhan dokumen tersebut. Dalam kes tersebut, ia adalah wajar bagi kami untuk hanya memberikan pengesahan bahawa data peribadi berkenaan adalah dalam rekod organisasi kami, jika rekod data peribadi anda membentuk bahagian yang boleh diabakan dalam dokumen tersebut.

PERINDUNGAN DATA PERIBADI

15. Bagi melindungi data peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubahsuaian, pelupusan atau risiko yang serupa, kami telah memperkenalkan langkah-langkah pentadbiran, fizikal dan teknikal yang sesuai seperti meminimumkan pengumpulan data peribadi, pengesahan dan kawalan capaian (seperti amalan kata laluan yang baik, asas keperluan untuk pendedahan data, dan lain-lain), penyulitan data, perlindungan antivirus terkini, tampalan tetap sistem pengendalian dan perisian lain, memadamkan media storan dengan selamat dalam peranti sebelum dilupuskan, langkah keselamatan web terhadap risiko-risiko, serta semakan dan ujian keselamatan dilakukan secara berkala.
16. Walau bagaimanapun, anda harus sedar bahawa tiada kaedah penghantaran melalui Internet atau kaedah storan elektronik yang selamat sepenuhnya. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin sepenuhnya, kami berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat anda dan sentiasa menyemak dan mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan maklumat kami.

KETEPATAN DATA PERIBADI

17. Kami secara umumnya bergantung kepada data peribadi yang anda berikan (atau wakil anda yang diberi kuasa). Untuk memastikan data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila kemas kini jika terdapat perubahan pada data peribadi anda dengan memaklumkan Pegawai Perlindungan Data kami secara bertulis atau melalui emel mengikut butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI

18. Kami mengambil segala usaha yang munasabah untuk memastikan sebarang data peribadi yang kami pegang disimpan dengan selamat. Kami mungkin mengekalkan data peribadi anda seperti berikut:
 - (a) Bagi pelawat yang menghubungi kami, data peribadi anda akan disimpan untuk tempoh yang membolehkan kami menjawab atau menyelesaikan pertanyaan anda melainkan anda membuat permintaan yang munasabah untuk melupuskan data peribadi anda. Data peribadi anda akan dilupuskan selepas tujuh (7) hari bekerja dari tarikh yang mana pertanyaan diselesaikan atau dijawab;
 - (b) Bagi pelawat yang melanggan surat berita, data peribadi anda akan disimpan sehingga anda menarik balik langganan anda. Data peribadi anda akan dilupuskan selepas anda menyahlanggan surat berita.

PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR MALAYSIA

19. Kami secara umumnya tidak memindahkan data peribadi anda ke negara-negara di luar Malaysia. Walau bagaimanapun, jika kami berbuat demikian, kami akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan data peribadi anda menerima taraf perlindungan yang sekurang-kurangnya setanding dengan yang diperuntukkan di bawah PDPA secara berterusan.

PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

20. Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas tentang dasar dan prosedur perlindungan data peribadi kami; atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan, dengan cara berikut:

Nombor Telefon: +603-5623 3633

Emel : DPO_Socma@psccorporation.com

KESAN NOTIS DAN PERUBAHAN KE ATAS NOTIS

21. Notis ini terpakai bersama-sama dengan mana-mana dasar, notis, klausa kontraktual dan klausa persetujuan lain (jika ada) yang terpakai berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda oleh kami.
22. Kami harus mempunyai budi bicara mutlak untuk menukar, mengubah suai, menambah, meminda, mengubah dan/atau mengalih keluar sebarang terma, sepenuhnya atau sebahagian daripada Notis ini pada bila-bila masa dan anda harus menyemak halaman ini secara berkala untuk perubahan. Anda mengakui dan bersetuju bahawa dengan menggunakan laman web ini dan memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda akan dianggap terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

Tarikh Kuat Kuasa: 1hb Januari 2026